

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Pembelian harta tanah pacu pertumbuhan ekonomi

Pembelian harta tanah pacu pertumbuhan ekonomi

Dasar kerajaan sokong pembeli rumah beri manfaat besar

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pembelian harta tanah menjadi antara kunci utama pertumbuhan ekonomi dengan pembeli rumah Malaysia menyumbang kira-kira RM42.5 bilion kepada ekonomi tahun lalu, demikian kata Juwai IQI.

Angka itu bersamaan kira-kira 2.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2022. Malaysia sebanyak RM1.79 triliun.

Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Juwai IQI, Kashif Ansari, berkata hakikatnya pembelian rumah merangsang ekonomi dan ia bermakna dasar kerajaan yang menyokong pembeli rumah mempunyai manfaat jauh lebih besar untuk pertumbuhan ekonomi.

Beliau berkata, harta tanah kekal cara terbaik untuk rakyat membina kekayaan dan memperoleh keselamatan ekonomi, tetapi ia juga baik untuk ekonomi.

"Wang yang kita belanjakan untuk yuran, duti dan perbelanjaan apabila membeli rumah juga merangsang penggunaan dan pengeluaran dalam segala-galanya daripada pembuatan sehingga pengangkutan."

"Manfaat ekonomi RM42.5 bilion hanya sebahagian daripada keseluruhan impak penuh



Pembelian rumah menambah 3.1 peratus kepada KDNK di Selangor.

(Foto hiasan)

keseluruhan sektor perumahan kerana ia tidak termasuk puluhan bilion ringgit yang dihasilkan pengeluaran bahan mentah, pengurusan harta tanah, harta tanah sewaan, penyelenggaraan dan ubah suai serta aktiviti harta tanah lain yang menambah kepada ekonomi. Ia juga tidak termasuk nilai harta tanah itu sendiri," katanya

dalam satu kenyataan.

Pembeli jana faedah

Kashif berkata, pihaknya juga melihat kesan KDNK ke atas empat negeri iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Beliau berkata, di Selangor faedah pembelian rumah menam-

bah 3.1 peratus kepada KDNK, yang terbesar di mana-mana negeri.

Katanya, faedah pembelian rumah menyumbang paling sedikit kepada KDNK di Kuala Lumpur yang menambah 1.7 peratus kepada KDNK.

"Di Johor dan Pulau Pinang, manfaat KDNK secara relatifnya tinggi, iaitu masing-masing 2.9 peratus dan 3 peratus," katanya.

Kashif berkata, secara purata, setiap kali membeli rumah, pembeli menjana faedah purata ekonomi sekitar RM175,000, tetapi jumlahnya berbeza ikut negeri.

Beliau berkata, di Johor, setiap transaksi menambah kira-kira RM150,000 kepada ekonomi.

"Faedah kira-kira RM294,000 di Kuala Lumpur, kira-kira RM201,000 di Selangor dan kira-kira RM174,000 di Pulau Pinang," katanya.

Wang yang kita belanjakan untuk yuran, duti dan perbelanjaan apabila membeli rumah juga merangsang penggunaan dan pengeluaran dalam segala-galanya daripada pembuatan sehingga pengangkutan.

*Kashif Ansari,
Ketua Pegawai Eksekutif Juwai IQI*

